



Datin Hasmah terima derma \$60,000

APALAH agaknya yang dikatakan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah sehinggakan Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Mustapha (di belakang), Yang Dipertua Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia (PBPM), Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin (Kiri), Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Mohd Ghazali Datuk Seth (dua dari kiri) dan

Panglima Tentera Darat, Jeneral Zain Hashim (sebelah Datin Dr Hasmah) meletakkan senyuman panjang...

Sambil membelek cek bernilai \$60,000 yang dikumpul oleh PBPM setakat ini Datin Seri Dr. Siti Hasmah menyatakan harapan agar orang ramai tampil menghulurkan derma kepada Tabung Kebajikan Rayuan Hari Pahlawan.

Jeneral Tan Sri Datuk Mohd Ghazali menyampaikan derma \$40,040.80 kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah untuk diserahkan kepada Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin sempena Hari Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur semalam.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia